

**BAB 111****3.0 Kaedah Dan Tatacara Penyelidikan**

Persoalan-persoalan yang akan dihuraikan dan dibincangkan meliputi masalah yang berkaitan dengan

- I      Kerangka teoritis
- II     Rancangan penyelidikan
- III    Soalan Penyelidikan Pemboleh ubah bersandar
- IV    Pemboleh ubah bebas
- V     Instrumentasi
- VI    Persempelan
- VII   Prosedur mendapatkan data
- VIII   Tempat kajian
- IX    Pemprosesan dan penganalisisan data

**3.1 Kerangka Teoritis**

Penyelidik telah mengubah suai mengikut kesesuaian model pengajaran yang telah dibuat oleh Duncan dan Biddle (1974) untuk penganalisisan kesilapan sintaksis bagi mengenal pasti penguasaan sintaksis pelajar prauniversiti Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering.

Satu model pengajaran yang menggunakan kumpulan-kumpulan pemboleh ubah yang dibahagikan kepada empat kumpulan yang lebih besar telah diperkenalkan oleh Dunkin dan Biddle. Empat kumpulan pemboleh ubah itu dinamakan

- I pemboleh ubah telahan (presage)
- II pemboleh ubah konteks
- III pemboleh ubah proses
- IV pemboleh ubah hasil

Pemboleh ubah telahan memberikan perhatian kepada ciri-ciri guru

- pengalaman formatif guru
- pengalaman latihan guru
- ciri-ciri guru

Pemboleh ubah konteks mengambil kira

- pengalaman formatif pelajar  
(jantina, kelas sosial)
- ciri-ciri pelajar  
(minat, kebolehan, pengetahuan, sikap)
- konteks sekolah dan sosial

- konteks bilik darjah

..

Pemboleh ubah proses tertumpu kepada

- tingkah laku guru
- tingkah laku pelajar

(dalam bilik darjah)

Pemboleh ubah hasil memberikan penekanan kepada akibat atau kesan daripada proses pengajaran, iaitu,

- perubahan tingkah laku segera pelajar
- kesan jangka panjang pelajar

Penyelidik akan menggunakan salah satu pemboleh ubah di atas, iaitu pemboleh ubah konteks yang dijuruskan kepada pemboleh ubah pengalaman formatif pelajar, seperti status sosial, jantina, dan ciri-ciri pelajar iaitu 'kebolehan' dengan mengambil kira PBM SPM mereka. Berteraskan pemboleh ubah inilah analisis kesilapan sintaksis pelajar dilakukan untuk mengenal pasti kemampuan berbahasa dalam karangan pelajar yang dikaji.

Berasaskan teori linguistik deskriptif, teori linguistik behaviurisme dan teori linguistik transformasi generatif menjadi kerangka teoritis kajian ini. Kerangka teori tersebut telah cuba menerangkan kes analisis kesilapan sintaksis daripada segi pemboleh

ubah bebas.

### **3.2 Rancangan Penyelidikan**

Pengkaji menggunakan beberapa langkah untuk menjalankan penyelidikan iaitu

- 1 Menentukan sekolah dan subjek kajian
- 2 Mendapatkan kebenaran membuat kajian daripada pihak sekolah
- 3 Mengadakan kajian rintis untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian
- 4 Mentadbir ujian karangan (dua karangan)
- 5 Mentadbirkan soalan soal selidik
- 6 Memproses dan menganalisis data.

### **3.3 Soalan Penyelidikan**

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan dalam Bab I, maka penyelidik mempertimbangkan beberapa soalan penyelidikan seperti berikut;

- 1 Adakah terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan tentang kekerapan kesilapan sintaksis bahasa Melayu.

- 2 Adakah terdapat perbezaan kekerapan kesilapan ayat bahasa Melayu antara sebelum dan selepas belajar morfologi dan sintaksis bagi pelajar prauniversiti.
- 3 Adakah terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan tentang kekerapan kesilapan ayat bahasa Melayu berdasarkan PBM SPM

### **3.4 Pemboleh ubah Sandar**

Pemboleh ubah bersandar kajian ini, kategori kekerapan kesilapan ayat yang diperoleh secara individu oleh pelajar yang dikaji. Untuk mendapatkan kekerapan kesilapan tersebut, penyelidik akan menggunakan ujian menulis karangan jenis fakta. Setiap pelajar akan menulis dua karangan pada masa yang ditetapkan. Semua karangan pelajar akan diperiksa dan ditanda kesilapannya.

### **3.5 Pemboleh ubah Bebas**

Terdapat tiga pemboleh ubah bebas dalam kajian ini, iaitu pemboleh ubah jantina SSE dan PBM peperiksaan SPM. Pemboleh ubah ini dipilih kerana pemboleh ubah ini mempengaruhi pencapaian sesuatu pembelajaran (Dunkin dan Biddle: 1974:39)

### **3.5.1 Jantina**

Pelajar lelaki seramai 20 orang dan perempuan seramai 20 orang dipilih sebagai subjek kajian.

### **3.5.2 Pencapaian BM SPM**

PBM pelajar dalam peperiksaan SPM tahun 1996 diambil kira untuk melihat perbezaan penguasaan sintaksis bahasa Melayu pelajar-pelajar. PBM SPM dilihat daripada kumpulan

- 1 Kumpulan PBM tinggi - gred 1 dan 2
- 2 Kumpulan PBM sederhana - gred 3 dan 4
- 3 Kumpulan PBM rendah – gred 5 dan 6

Penentuan kumpulan ini, dibuat berdasarkan gred pencapaian oleh Kementerian Pelajaran Malaysia

## **3.6 Instrumentasi**

Data dikumpulkan melalui dua cara

1. Menggunakan ujian
2. Soal selidik

### **3.5.2 Ujian Karangan**

Semua pelajar prauniversiti (atas) diberikan ujian menulis karangan dalam bahasa Melayu iaitu ujian berbentuk esei bertajuk

- 1 Masalah setinggan merupakan satu fenomena yang sedang melanda di negara ini. Mengapakah keadaan ini berlaku dan bagaimanakah cara untuk mengatasinya.
- 2 Vandalisme semakin menular di negara ini. Bincangkan cara-cara untuk mengatasi masalah tersebut.

Tujuan diadakan ujian ini untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan kesilapan sintaksis iaitu data tentang kekerapan dan jenis kesilapan sintaksis melalui penggunaan bahasa tulisan (karangan)

Pengendalian ujian ini, dilakukan oleh pengkaji sendiri dengan bantuan seorang lagi guru bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering iaitu sekolah yang dikaji. Semua peraturan pentadbiran kedua-dua ujian ini sama dengan pentadbiran ujian yang lazim diamalkan dalam peperiksaan anjuran KPM dan ujian-ujian tadbiran pihak sekolah. Sebelum ujian ini dilaksanakan, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada pihak berkuasa di sekolah yang terabit untuk menentukan tarikh masa, dan tempat ujian. Walaupun pengkaji merupakan guru bahasa Melayu Kertas 1

pihak sekolah. Sebelum ujian ini dilaksanakan, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan persetujuan daripada pihak berkuasa di sekolah yang terabit untuk menentukan tarikh, masa, dan tempat ujian. Walaupun pengkaji merupakan guru bahasa Melayu Kertas 1 kepada pelajar-pelajar kebenaran diminta juga kerana melibatkan kelas-kelas, jadual waktu, mata pelajaran dan guru-guru lain.

Ujian karangan 1 diadakan pada 20 Mei 1998 dan Ujian karangan 2 pada 26 Oktober. Had masa diberikan 2 jam untuk pelajar menyiapkan karangan yang panjangnya antara 500 hingga 700 perkataan. Peruntukan ini, bertujuan supaya pelajar dapat menulis karangan dengan tenang, selesa dan berkesempatan untuk berfikir dan menyemak karangan mereka.

Tujuan diadakan ujian karangan secara serentak untuk kumpulan tiga kelas (tingkatan) untuk mendapat purata kekerapan kesilapan bahasa dalam sintaksis dalam karangan tersebut. Di samping itu, untuk mendapatkan indeks kebolehpercayaan dalam karangan tersebut.

Selain itu, untuk menyakinkan pengkaji bahawa kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar itu benar-benar kesilapan dilakukan oleh mereka. Hal ini dapat dilihat jika kesilapan yang berlaku pada awal karangan atau karangan 1 akan berulang lagi pada karangan ke-2.

Setiap pelajar dikehendaki menulis karangan seperti dijelaskan di atas. Tajuk karangan berupa tajuk karangan jenis fakta perbincangan, yakni salah satu jenis tajuk karangan yang ditetapkan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (SPBM) prauniversiti. Tajuk karangan ini telah penyelidik rujukkan kepada guru mata pelajaran bahasa Melayu Kertas 2 sekolah ini untuk mendapatkan kepastian bahawa tajuk tersebut belum dikarang oleh pelajar di bilik darjah sebelum ini.

Penyediaan tajuk karangan ini bertujuan memudahkan tugas mengarang kerana pelajar tidak dibebankan dengan tugas mencari isi-isi karangan semasa menulis. Berdasarkan pertimbangan ini juga, beberapa isi bagi setiap tajuk disertakan. Selain itu, tujuan utama penyelidikan dilakukan bukan menilai isi atau buah fikiran yang disampaikan oleh pelajar, tetapi yang lebih dipentingkan ialah mengenal pasti taraf penguasaan sintaksis bahasa Melayu pelajar-pelajar.

### **3.6.2 Soal Selidik**

Pengkaji memperoleh maklumat tentang pelajar dengan menggunakan soal selidik (seperti di Lampiran 1). Semua pelajar yang dikaji diberikan senaskah kertas soal selidik. Soal selidik berbentuk 'structured' iaitu jenis soalan tertutup (close ended) yang mudah dijawab oleh responden. Soalan ini dapat memberikan jawapan yang tepat dan sesuai dengan objektif penyelidikan.

Maklumat ini berguna untuk membantu penyelidik membuat penggolongan pelajar kepada kumpulan jantina dan PBM SPM tinggi, sederhana, dan rendah.

Bahagian B pula berhubung dengan maklumat pembelajaran bahasa Melayu pelajar.

### **3.7 Reka bentuk Penyelidikan**

Reka bentuk penyelidikan ini pada keseluruhannya berupa penganalisisan data iaitu karangan dan borang soal selidik yang bertujuan mengenal pasti dengan lebih dekat lagi tentang taraf penguasaan BM di kalangan pelajar Melayu prauniversiti sekolah yang dikaji dengan memfokuskan kesilapan sintaksis dalam penulisan karangan.

Kesilapan sintaksis itu dianalisis mengikut jenis-jenis sintaksisnya untuk dikenal pasti daerah kesilapan dengan menghitung kekerapan kesilapan yang dilakukan. Dengan menggunakan kaedah ini dapatlah dikenal pasti jenis-jenis kesilapan sintaksis yang dilakukan. Selain itu, kajian ini juga akan dapat mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tentang jenis, dan kekerapan (jumlah) kesilapan sintaksis dalam penulisan karangan berdasarkan boleh ubah bebas iaitu, jantina dan PBM SPM.

### 3.8 Tempat Kajian

Daerah atau lokasi kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering(SMKS N) Jerteh, Besut, Terengganu.

SMKS N merupakan sekolah gred A. Penuntutnya terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan. Bilangan penuntut seramai lebih kurang 1800 orang. Pelajar yang tinggal di asrama seramai 200 orang. Sebahagian besarnya tinggal bersama keluarga atau rumah sewa yang berdekatan dengan SMKS N. Mereka ini tinggal bersama keluarga kerana jarak sekolah dengan tempat tinggal mereka dalam lingkungan 15 hingga 20 kilometer sahaja. Pelajar yang menjadi sampel kajian ini ada yang tinggal di asrama, rumah sewa dan di rumah sendiri.

Penyelidik memilih sekolah tersebut sebagai lokasi kajian kerana beberapa sebab

- 1      Penyelidik ingin mengenal pasti tahap penguasaan BM pelajar Melayu prauniversiti SMKS N secara keseluruhan.
- 2      Peringkat prauniversiti memberi penekanan secara khusus kepada pembelajaran morfologi dan sintaksis dalam BM Kertas 1 Kod 910/1.

Adakah pembelajaran BM Kertas 1 Kod 910/1 dapat meningkatkan penguasaan sintaksis BM pelajar.

- 3 Penyelidikan tentang tahap penguasaan BM di kalangan pelajar prauniversiti SMKSN belum pernah dilakukan oleh penyelidik lain setakat ini. Sehubungan dengan hal ini penyelidik telah menyemak peringkat sarjana dan kedoktoran tajuk-tajuk latihan ilmiah tahun-tahun yang lepas yang diluluskan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD), KPM. Hasilnya, penyelidik mendapati belum ada lagi kajian yang seumpamanya dilakukan. Tambahan pula, pengetua di SMKSN juga menyatakan setakat ini sekolah ini hanya menjadi kawasan kajian tentang Penggunaan Kamus di Kalangan Pelajar Menengah Rendah sahaja.

### **3.9 Persampelan**

Kajian ini melibatkan semua pelajar prauniversiti iaitu seramai 80 orang. Pelajar tersebut terdiri daripada 40 sampel lelaki dan 40 sampel perempuan. Sesuai dengan Akta Pelajaran 1963/67, yang menentukan had umur pelajar yang mengikuti pembelajaran formal. Oleh itu, purata umur pelajar yang menjadi sampel ini ialah 19 tahun.

Dalam pemilihan sampel penyelidik menggunakan kaedah 'intact grouping' (Tsai & Pohl: 1977). Berdasarkan kaedah ini, keseluruhan anggota populasi kajian akan

Adakah pembelajaran BM Kertas 1 Kod 910/1 dapat meningkatkan penguasaan sintaksis BM pelajar.

- 3 Penyelidikan tentang tahap penguasaan BM di kalangan pelajar prauniversiti SMKSN belum pernah dilakukan oleh penyelidik lain setakat ini. Sehubungan dengan hal ini penyelidik telah menyemak peringkat sarjana dan kedoktoran tajuk-tajuk latihan ilmiah tahun-tahun yang lepas yang diluluskan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD), KPM. Hasilnya, penyelidik mendapati belum ada lagi kajian yang seumpamanya dilakukan. Tambahan pula, pengetua di SMKSN juga menyatakan setakat ini sekolah ini hanya menjadi kawasan kajian tentang 'Penggunaan Kamus di Kalangan Pelajar Menengah Rendah sahaja.

### **3.9 Persampelan**

Kajian ini melibatkan semua pelajar prauniversiti iaitu seramai 80 orang. Pelajar tersebut terdiri daripada 40 sampel lelaki dan 40 sampel perempuan. Sesuai dengan Akta Pelajaran 1963/67, yang menentukan had umur pelajar yang mengikuti pembelajaran formal. Oleh itu, purata umur pelajar yang menjadi sampel ini ialah 19 tahun.

Dalam pemilihan sampel penyelidik menggunakan kaedah 'intact grouping' (Tsai & Pohl: 1977). Berdasarkan kaedah ini, keseluruhan anggota populasi kajian akan

diambil sebagai sampel kajian. Setiap karangan daripada 40 sampel akan diteliti oleh pengkaji setiap kesilapan ayat berdasarkan 9 jenis ayat.

Semua pelajar yang dikaji telah lulus diperingkat SPM pada tahun 1996 dan 1997. Dengan demikian, dapatan kajian yang diperoleh dapat memberikan gambaran yang menyeluruh dan tepat terhadap kumpulan yang dikaji.

Selain pemilihan pelajar berdasarkan jantina, pemilihan pelajar ini juga dibuat berdasar taraf PBM yang mereka peroleh pada peringkat SPM 1996.

Semua subjek ini telah diajarkan BM sebagai bahasa kebangsaan di peringkat sekolah rendah dan bahasa pengantar di peringkat sekolah menengah rendah dan atas. Mereka telah mempelajari BM di peringkat sekolah secara formal hampir 13 tahun.

Ketika kajian diperuntukan 5 jam 20 minit seminggu pembelajaran BM Kertas 1 910/1 dan BM 910/2.

Penyelidik memilih pelajar ini kerana penyelidik ingin mengenal pasti tahap penguasaan BM dengan menganalisis penguasaan sintaksis mereka berdasarkan karangan yang dipersembahkan.

Kumpulan pelajar ini, merupakan kumpulan pelajar yang telah mengikuti SPBM KBSM yang mula dilaksanakan pada tahun 1987. Selama lebih kurang 13 tahun mereka mengikuti pembelajaran BM secara formal seharusnya penguasaan bahasa mereka baik tanpa menimbulkan sebarang masalah.

Setiap pelajar yang dikaji akan mengambil ujian karangan serta menjawab soal selidik dengan lengkap.

### **3.10 Prosedur Mendapatkan Data**

Untuk mendapatkan data beberapa langkah dijalankan.

#### **3.10.1 Prosedur Mendapat Maklumat**

Data untuk kajian ini diperoleh daripada kekerapan kesilapan sintaksis pelajar daripada ujian karangan. Berkaitan dengan prosedur melaksanakan ujian dan tarikh ujian, cara pemeriksaan karangan telah pengkaji jelaskan dalam bahagian (subtajuk) ujian karangan di atas

#### **3.10.2 Penentuan Kesilapan**

Penetapan beberapa buah buku (seperti senarai dalam Bab 1) untuk dijadikan panduan atau pedoman oleh penyelidik dalam mengkategorikan kesilapan sintaksis pelajar telah dimuatkan dalam bab pertama.

Selain itu, kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar berdasarkan penyimpangan daripada sistem bahasa dan peraturan bahasa yang telah dipersetujui sama ada pada peringkat sebutan, pilihan kata atau susunan frasa dan ayat (Nik Safiah Karim: 1986a: 132, Awang Sariyan: 1984b: 50 dan Asraf: 1988: 1).

Kesimpulannya kesilapan itu, sesuatu yang tidak boleh diterima sebagai bentuk yang gramatis, yang dapat dipersoalkan kesalahan dari aspek tatabahasa bahasa Melayu.

### **3.10.3 Jenis-jenis Kesilapan Sintaksis Yang di Kaji**

Kesilapan-kesilapan yang menjadi tumpuan kajian ini ialah kesilapan sintaksis yang telah dikategorikan mengikut jenis-jenisnya serta contoh-contoh yang betul dan salah bagi tiap-tiap jenis itu, seperti berikut;

#### **A1      Kesilapan Struktur Ayat Tunggal**

##### **1.      Ayat Tiada Subjek**

Salah: Kesayangan anak bongsu saya.

Betul: Kucing kacukan itu kesayangan anak bongsu saya

##### **2.      Ayat Tiada Predikat**

Salah: Syarikat perumahan telah menukar rancangan membina rumah teres.

Betul: Syarikat perumahan telah menukar rancangan membina

rumah teres kepada rumah pangsa pada tahun hadapan.

## 2. Ayat Tiada Objek

Salah: Saya menghayati dengan penuh minat.

Betul: Saya menghayati cerita itu dengan penuh minat.

## A2 Kesilapan Struktur Ayat Majmuk Gabungan

### 1 Kesilapan Menggunakan Kata Hubung

Salah: Dia makan bubur dengan minum air sirap.

Betul: Dia makan bubur sambil minum air sirap.

### 2. Kesilapan Kerana Mengulangi Subjek Yang Sama

Salah: Budak itu memukul adik dan budak itu menyepak adiknya

Betul: Budak itu memukul dan menyepak adiknya.

### 3. Kesilapan Kerana Mengulangi Kata Kerja Yang Sama

Salah: Guru-guru menaiki bas itu dan murid-murid sekolah menaiki bas itu.

Betul: Guru-guru dan murid-murid sekolah menaikki bas itu..

### A3 Kesilapan Struktur Ayat Majmuk Relatif

#### 1. Ayat Yang Tidak Lengkap Makna

Salah: Orang tua yang tidur berselimutkan ayah Encik Halim.

Betul: Orang tua yang tidur berselimutkan **kain batik** itu ayah Encik Salim.

#### 2. Tiada Kata Hubung Penanda Relatif

Salah: Sesungguhnya berita baru kami terima mengembirakan.

Betul: Sesungguhnya berita yang baru kami terima mengembirakan.

### A4 Kesilapan Struktur Ayat Komplemen

#### 1. Ayat Tanpa Penanda Komplemen

Salah: Mereka belajar bersungguh-sungguh dalam pelajaran mendapat kejayaan.

Betul: Mereka belajar bersungguh-sungguh dalam pelajaran untuk mendapat kejayaan.

#### A5 Kesilapan Struktur Ayat Majmuk Gabungan

##### 1. Tanpa Kata Hubung Yang Berfungsi Sebagai Penanda Keterangan

Salah: Hayati mengupas kelapa menggunakan pisau.

Betul: Hayati mengupas kelapa dengan menggunakan pisau.

##### 2. Penggunaan Kata Yang Berfungsi Sebagai Penanda Keterangan

Salah: Bila hari hujan, jalan di situ tenggelam.

Betul: Apabila hari hujan, jalan di situ tenggelam.

#### A6 Kesilapan Struktur Ayat Majmuk Campuran

##### 1. Ayat Berbelit-belit

Salah: Fakta sejarah ribuan tahun yang lalu telah dengan tegas setegas-tegasnya merakamkan kedaulatan bangsa dan budaya Melayu di daerah rantau sebelah sini sehingga bangsa-bangsa Melayu dengan yang luas telah menakrifkan identiti wilayah ini sebagai alam Melayu.

Betul: Fakta sejarah ribuan tahun yang lalu, dengan tegas, telah merakamkan kedaulatan bangsa dan kebudayaan Melayu di rantau ini sehingga bangsa Melayu, dengan erti yang luas,

telah menakrifkan identiti wilayah ini sebagai alam Melayu.

#### A7 Kesilapan Struktur Ayat Pasif

##### 1. Ayat Aktif Tanpa Objek

Salah: Dia menyepak dengan kuat sambil ketawa.

Betul: Dia menyepak bola dengan kuat sambil ketawa.

##### 2. Objek Kata Kerja Transitif diikuti oleh Frasa Sendi

Salah: Ibu menjahitkan untuk adik sehelai baju kurung.

Betul: Ibu menjahitkan sehelai baju kurung untuk adik.

##### 3. Kata Aktif Tak Transitif Tanpa Pelengkap

Salah: Pemuda itu.

Betul: Pemuda itu tersenyum.

##### 4. Kata Aktif Tak Transitif Pelengkap

Salah: Pengembara itu berselimutkan.

Betul: Pengembara itu berselimutkan embun.

## A8 Kesilapan Struktur Ayat Pasif

### Kesalahan Struktur

Salah: Bola itu telah ditendang oleh saya/awak.

Betul: Bola itu telah saya/awak tendang.

#### 1. Ayat Pasif Tanpa Kata Sendi Nama 'oleh'

Salah: Tembok itu terlanggar motosikal di bahagian belakangnya.

Betul: Tembok itu terlanggar oleh motosikal di bahagian belakangnya.

#### 2. Kesilapan Hukum Aneksi Personal

Salah: Entah apa yang aku geruni, aku tidak ketahui.

Betul: Entah apa yang aku geruni, tidak aku ketahui.

## A9. Kesilapan Struktur Ayat Saduran Daripada Ayat Bahasa Asing

#### 1. Penggunaan Frasa yang mana dan di mana

Salah: Tarikh itu adalah tarikh yang mana paling mendebaran di mana pada tarikh itu, keputusan hukumannya akan diumumkan.

Betul: Tarikh itu merupakan tarikh yang paling mendebarannya

kerana pada tarikh itu keputusan hukuman akan diumumkan.

## 2. Ayat Terjemahan Langsung Daripada Bentuk Ayat Bahasa Inggeris.

- Salah : Ibu saya ialah seorang peguam.  
Betul : Ibu saya peguam.

### 3.10.4 Cara Menandakan Kesilapan

Kategori kesilapan dalam karangan ditandakan dengan simbol-simbol yang berikut. –

#### Jenis-jenis Kesilapan

- A1 Kesilapan struktur ayat tunggal (AT)
- A2 Kesilapan struktur ayat majmuk (AMG)
- A3 Kesilapan gabungan struktur ayat majmuk relatif (AMR)
- A4 Kesilapan struktur ayat majmuk komplemen (AK)
- A5 Kesilapan struktur ayat majmuk keterangan (AMK)
- A6 Kesilapan struktur ayat majmuk campuran (AMC)
- A7 Kesilapan Struktur Ayat Aktif (AA)
- A8 Kesilapan Struktur Ayat Pasif (AP)

- A9 Kesilapan struktur ayat saduran daripada ayat asing, seperti ayat bahasa Inggeris (AS)

### **3.10.5 Pemprosesan dan Penganalisisan Data**

Karangan-karangan yang dihasilkan oleh pelajar dikumpulkan dan akan diperiksa dengan teliti. Penyelidik akan memeriksa sendiri karangan pelajar. Di samping itu, penyelidik akan melantik seorang yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang analisis ayat. Pengkaji dan penyemak merupakan pemeriksa BM Kertas 2 STPM dan pengajar BM Kertas 1 Kod 910/1 lebih daripada tiga tahun.

Tujuan penyelidik melantik penyemak luar untuk memastikan bahawa sesuatu yang dianggap sebagai kesilapan bahasa diakui kebenaran oleh orang lain yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mendalam dalam bidang ini. Kaedah/cara pemeriksaan begini bertujuan untuk menjamin kebolehpercayaan yang tinggi terhadap pemeriksaan dan penentuan kesilapan ayat seseorang pelajar.

Kesilapan-kesilapan dalam karangan ditandakan seperti diterangkan dalam perkara 3.10.4. Cara Menandakan Kesilapan di atas. Tumpuan kesilapan dalam kajian ini, kesilapan bahasa daripada aspek yang disenaraikan iaitu aspek ayat.

Pemeriksaan kesilapan bahasa yang diperolehi akan dimasukkan ke dalam kad-kad menurut jenis kesilapan iaitu A1 hingga A9. Cara berbuat demikian kekerapan kesilapan ayat menurut jenisnya akan dapat dikumpulkan dan dianalisis.